



Koleksi Abstrak Sanggar Sarjana IPG Kampus Pendidikan Teknik 2018

Siri 1

**Kajian Persepsi Amalan Pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan
Guru Pendidikan Islam
Sekolah Menengah di Selangor**

Sarimah binti Mokhtar
sarimahipgtekNIK@gmail.com
No.Hp: 0198929037

Mohd Kashfi bin Mohd Jailani
Kashfi2025@gmail.com
No.Hp: 0198929095

Abstrak(1)

Tujuan utama kajian ini ialah untuk membenteng kajian yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di beberapa buah Sekolah Menengah di Selangor. Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan tinjauan deskriptif menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Seramai 150 orang pelajar tingkatan empat di lima buah sekolah menengah Kementerian Pelajaran Malaysia di Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Data kajian yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam kajian ini diasaskan kepada empat domain utama iaitu Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dalam bilik darjah, aspek personaliti, aspek keilmuan serta kemahiran dan aspek motivasi. Manakala penghayatan akhlak Islam pelajar diasaskan kepada tiga domain utama iaitu tingkah laku, sosial dan agama. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bagi domain Amalan pengajaran guru di bilik darjah ialah **Alpha Cronbach** untuk konstruk: pengajaran & pembelajaran (P&P): item B1-B43 ialah .927, aspek personaliti ialah **Alpha Cronbach** untuk konstruk: Personaliti/ peribadi GPI item B44-B74 ialah .956, aspek keilmuan serta kemahiran ialah **Alpha Cronbach** untuk konstruk: Ilmu dan Kemahiran GPI item B75-B84 ialah .959 dan aspek motivasi ialah **Alpha Cronbach** untuk konstruk: Motivasi GPI item B75-B84 ialah .963. Keputusan yang diperoleh diharap dapat menjadi panduan kepada guru Pendidikan Islam untuk meningkatkan mutu amalan pengajaran mereka.

Kata Kunci: Amalan Pengajaran dan pembelajaran Guru Pendidikan Islam, Personaliti GPI, Kemahiran dan ilmu pengetahuan GPI, motivasi GPI (Guru Pendidikan Islam).

Memperkasakan Kecerdasan Emosi Murid Sebagai Amalan Terbaik Guru Sekolah Rendah

Noor Haslinda Shuib^{a*}, Ismail Ahmad^b, Gooch
Mo Lee^c, Rosliza Johari^d & Noor Hayati Alias^e

^aIPG Kampus Pendidikan Teknik

^bUniversiti Kebangsaan Malaysia

^cSK (P) Methodist 2, Melaka

^dSK Jasin, Melaka

^eSK Sikamat, Negeri Sembilan

Abstrak(2)

Ramai penyelidik percaya bahawa kecerdasan emosi (EQ) yang tinggi adalah pendorong kepada kecemerlangan pencapaian akademik murid. Justeru kajian tinjauan ini dijalankan bertujuan menentukan hubungan antara EQ dengan pencapaian akademik dan sumbangan domain EQ kepada pencapaian akademik murid sekolah rendah. Seramai 918 orang murid darjah 3 dan 4 telah dilibatkan. Keputusan menunjukkan bahawa tahap EQ dalam kalangan murid sekolah rendah ialah 73.74% yang mana pemeringkatan bagi domain EQ ialah kerohanian (88.60%), kesedaran sendiri dan empati (77.69%), motivasi sendiri (77.22%), kematangan (72.58%), kemahiran sosial (69.50%), keyakinan diri (67.68%) dan regulasi sendiri (63.42%). Keputusan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara EQ dengan pencapaian akademik murid ($r = 0.417$). Berdasarkan lapan domain EQ, terdapat enam varian yang signifikan iaitu dalam faktor motivasi sendiri, regulasi sendiri, kerohanian, kesedaran sendiri, empati dan keyakinan diri menyumbang kepada pencapaian akademik murid. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji menyarankan satu proses pengajaran terbaik berasaskan EQ yang boleh dipraktikkan oleh guru kepada muridnya agar mereka mencapai kejayaan yang lebih besar dalam kehidupan.

Kata Kunci : kecerdasan emosi, pencapaian akademik, murid sekolah rendah.

OUTCOME-BASED EDUCATION AS A MODEL STRATEGY: CURRICULUM STUDIES RE-EXAMINED

John Roy Chacko
Evelyn Gnanam William George
Jabatan Bahasa

Abstract(3)

Reports in educational journals show growing interest in Outcome-based Education (OBE), which is both a comprehensive reform strategy and a curriculum model. It therefore seems like a fitting time to examine it thoroughly and objectively. The Malaysian Qualifications Framework, through feedbacks, has mandated all Institutes of Teacher Education offering the Bachelor's program in Teaching to prepare accreditation based on Outcome-based Education. Given that the Malaysian educational institutes, by and large, is not outcome-based, it is quite challenging to implement OBE at most level, mainly due to the fact that they do not have autonomy in curriculum and in student admission process. Many do not have a frame of reference for this type of learning. There is a necessity to increase our understanding and awareness of the relationship between learner and teacher related factors. Thus, the research focuses on Outcome-Based Education in Curriculum Studies, a course offered in the concluding semester in the Bachelor of Teaching programme. Twenty-four respondents were involved. There are three components in Outcome-based Teaching and Learning: intended learning outcomes (ILOs), teaching activities, and outcome-based assessment. Intended learning outcomes were mapped against Bloom's Cognitive Domain. The following qualitative research methods were devised in this investigation: semi-structured interviews, observations and document analysis (assessment tasks). The instructor found that desired attributes were met, leading to the conclusion that the OBE approach was a success.

Key words: outcome-based education, student learning, intended learning outcomes, outcome-based teaching and learning

**THE EFFECT OF WEBCOMICS
UTILIZATION IN READING
COMPREHENSION AMONG LOWER
SECONDARY STUDENTS**

Ajurun Begum Ahamed

JPIPK, IPG KAMPUS TEKNIK

Abstract(4)

The study aims to investigate if webcomics has an effect on students' reading comprehension. A Quasi-experiment method was used to administer the study. The samples are 67 students from form two secondary aged 14 years old. Pre-test and post-test were administered before and after the intervention to the control and the experimental group. The intervention was six lessons utilizing webcomics constructed based on the topics in the text book. The data collected was analysed using t-test. The results indicated that the mean of scores of the experimental group is higher and the difference is significant compared to the control group. The study concluded that webcomics improved students' reading comprehension. The findings from the study have implicated the importance of using pictures and words which has contributed better to the students' comprehension of the text in this study.

Key Words: webcomics, reading comprehension, quasi-experiment

**KAJIAN TINJAUAN PERILAKU ASERTIF
PESERTA KURSUS
PAMANTAPAN PERSONALITI SISWA
PENDIDIK DI IPGKPT**

Arfah Binti Abd Karim¹, Mahamsiatu Binti Kamaruddin², Fatmawaty Binti Mohammad Yusuf³, Sabariah Binti Ismail⁴
¹Jabatan Perdagangan
²Jabatan Teknologi Pengkomputeran
³Unit Kaunseling
⁴Jabatan Hal Ehwal Pelajar
IPG Kampus Pendidikan Teknik

Abstrak(5)

Kajian ini bertujuan mengenalpasti perilaku asertif peserta kursus pemantapan personaliti siswa pendidik di IPGKPT bagi peserta meningkatkan 'self esteem' dalam mendepani persekitaran belajar untuk mempersiapkan diri sebagai pendidik yang cemerlang. Hal ini kerana pembangunan profesionalisme keguruan pada pelbagai fasa merupakan keperluan dalam usaha memantapkan keupayaan guru untuk melaksanakan tugas dengan cekap bagi kemenjadian murid. Justeru, siswa pendidik perlu mempunyai perilaku asertif untuk berkemampuan menyatakan diri, menjelaskan pandangan dan keinginan serta perasaan secara spontan, bebas dan jujur tanpa merugikan diri sendiri dengan tidak melanggar hak-hak orang selari bagi pembangunan profesionalisme keguruan semenjak semasa mengikuti latihan perguruan lagi. Kajian ini dilakukan menggunakan instrumen inventori asertif diri yang diperoleh daripada Unit Kaunseling di IPGKPT. Seramai 38 orang pelajar dipilih berdasarkan saringan maklumat pelajar berdasarkan disiplin diri yang diperoleh daripada mentor akademik, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Unit Peperiksaan dan Penilaian di IPGKPT. Analisis data dilakukan menggunakan indikator asertif diri yang dibekalkan bersama-sama dengan instrumen inventori asertif diri. Indikator asertif diri mempunyai 4 pembahagian skor iaitu antara 20-25, 26-35, 36-50 dan 51-80 seperti yang ditetapkan. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan terdapat 1 orang pelajar berada pada pembahagian skor 20-25, 12 orang pelajar berada pada julat skor 26-35, 24 pelajar berada pada julat skor 36-50 dan 1 orang pelajar berada pada julat skor 51-80. Secara keseluruhan peserta kursus pemantapan personaliti perlu terus dibimbing agar lebih berkeyakinan dalam profesionalisme perguruan untuk dapat menggalas tugas secara cemerlang sebagai guru pada masa akan datang.

Kata Kunci: asertif, profesionalisme keguruan, pemantapan personaliti

PEMBINAAN DAN KESAHAN INSTRUMEN KEMAHIRAN PROSES SAINS

Pn Ellyza binti Karim

Jabatan Sains IPG Kampus Pendidikan Teknik

ABSTRAK(6)

Kajian ini bertujuan untuk membina instrumen berbentuk ujian berskala Likert lima mata bagi mentaksir tahap kompetensi Kemahiran Proses Sains (KPS) murid sekolah rendah. Ia juga bertujuan untuk membina profil KPS murid mengikut jantina dan lokasi berdasarkan kurikulum sains terbaru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menggunakan persentil. Pembinaan instrumen melibatkan empat peringkat iaitu peringkat reka bentuk instrumen, peringkat pembinaan item, peringkat pengesahan dan peringkat pembentukan profil. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dengan kaedah kuantitatif sebagai cara menganalisis data. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*, *IBM SPSS Statistics* versi 17 dan *Winsteps* versi 3.73 untuk analisis Rasch. Terdapat 68 item dihasilkan dalam instrumen ini. Bagi kajian sebenar, instrumen ditadbir ke atas 514 orang murid lepasan UPSR tahun 2017 seluruh Malaysia yang dipilih secara rawak berstrata. Kesahan kandungan diperolehi menggunakan Kaedah *Fuzzy Delphi* melalui kesepakatan 13 orang panel pakar bidang pendidikan sains. Kaedah analisis Model Rasch dijalankan untuk menguji sejauh mana kesahan item daripada aspek keserasian item, polariti item, kebebasan setempat, analisis unidimensi, aras kesukaran item berdasarkan peta *Wright* dan kebezaan kefungsi item berdasarkan jantina dan lokasi. Semakan skala turut dibuat untuk memastikan kesesuaian format maklum balas daripada sampel. Statistik inferensi digunakan dalam kajian ini dalam mencari korelasi Spearman bagi menentukan kekuatan dan arah perhubungan kesahan serentak antara skor instrumen KePSa dengan skor Inventori KPS instrumen lain. Kesahan ramalan pula menentukan kekuatan dan arah perhubungan antara instrumen KePSa dengan keputusan peperiksaan percubaan sains Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Kebolehpercayaan yang terlibat dalam kajian ini turut dikaji menggunakan model Rasch daripada aspek indeks pengasingan item dan individu serta indeks kebolehpercayaan item dan individu.

Kata kunci: kesahan, kebolehpercayaan, model Rasch, kemahiran proses sains

AMALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DAN HoM DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN : SUATU TINJAUAN

Fatimah bt Mohd Dahalan (Ph.D)
Jabatan Sains Sosial

Anisah bt Hashim
Jabatan Ilmu Pendidikan

Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Pendidikan
Teknik,
Negeri Sembilan

Abstrak(7)

Kajian ini bertujuan untuk meninjau amalan pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Tabiat Berfikir (*Habits of Mind* - HoM), semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan tenaga pengajar di IPGKPT. Tiga dimensi utama dikaji iaitu pengetahuan, pengaplikasian pedagogi dan pengamalan teknik penyoalan dan pentaksiran. Data dari 86 orang responden dikumpul menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden tentang KBAT adalah tinggi (skor min 3.92, sp.0.83), namun bagi HoM pengetahuan responden hanya pada tahap sederhana (skor min 3.61, sp.1.0). Dimensi pengaplikasian pedagogi KBAT juga berada pada tahap tinggi (skor min 3.87, sp.0.94), manakala pengaplikasian HoM dalam PdP masih pada tahap sederhana (skor min 3.42 dan sp.1.04). Dapatan kajian mengenai dimensi pengamalan teknik penyoalan dan pentaksiran KBAT juga berada pada tahap tinggi (skor min 3.76, sp.0.89). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara pengetahuan mengenai KBAT dengan pengamalan teknik penyoalan dan pentaksiran KBAT ($r=0.859$; $p<0.01$). Hubungan yang positif dan signifikan juga wujud antara kemahiran mengaplikasi KBAT dengan pengamalan teknik penyoalan dan pentaksiran KBAT ($r=0.887$; $p<0.01$), dalam kalangan pensyarah IPGKPT. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan, untuk meningkatkan mutu latihan dalam perkhidmatan terhadap tenaga pengajar yang belum menguasai KBAT dan HoM bagi meningkatkan kompetensi mereka pada tahap tinggi dalam mengembangkan KBAT dan HoM kepada para pelajar sesuai dengan tuntutan inovasi pedagogi PdPc Abad ke-21.

Kata Kunci : Amalan, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Tabiat Berfikir (HoM), Proses pengajaran dan pembelajaran, PdPc Abad ke-21

Paradigm shifts for 21st century research in education: a post-structuralist perspective for meaningful deep learning

Zillasafarina Ja'afar¹, Noraini Md. Yusof² and Nor 'Azah Ahmad Safran³

¹Department for Languages, Institute of Teacher Education,
Technical Education Campus

²School of Language Studies and Linguistics,
Faculty of Social Sciences
and Humanities, National University of
Malaysia, Malaysia

³ Department of Educational Studies, Institute
of Teacher Education,
Technical Education Campus

Abstract(8)

Research in education is undertaken to discover the reality of knowledge production at present. Relevant paradigms that suit the nature of the research are vital to function as the framework of the work. Educational paradigms, namely positivists, interpretive and critical, are varieties of perspectives, yet they are unlike post-structuralism that addresses the changes in 21st century education. It is the intent of this presentation to introduce revisioning as a post-structuralism research paradigm through which 21st century learners' liberal way of producing knowledge from meaningful deep learning can be discovered and understood.

Keywords: post-structuralism, 21st century research, revisioning, methodology, meaningful deep learning

**PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN
PENYELIAAN KURSUS**

**PENYELIDIKAN TINDAKAN DI
IPGKRM**

Rosmidah Hashim, PhD

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
Profesionalisme Keguruan

Nizam Abd Latib, PhD

Pengarah IPGKRM

Abstrak(9)

Kajian iini bertujuan untuk meninjau tahap kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan penyeliaan bagi kursus Penyelidikan Tindakan. Responden kajian terdiri daripada semester 8 Ambilan Januari 2013. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepuasan pelajar terhadap pengajaran pensyarah ialah pada tahap yang tinggi dengan min = 4.66. Tahap kepuasan pelajar terhadap penyeliaan pensyarah juga berada pada tahap yang tinggi dengan min = 4.19. Kajian juga mendapati ciri-ciri pensyarah yang mengajar kursus Penyelidikan Tindakan yang diinginkan oleh pelajar haruslah menguasai isi kandungan dan mengamalkan teknik penyampaian yang pelbagai. Kajian juga mendapati ciri-ciri pensyarah penyelia penyelidikan tindakan yang diinginkan oleh pelajar ialah yang mempunyai peribadi yang baik, menguasai isi kandungan dan gaya penyeliaan yang sistematik dan profesional.

Kata kunci: penyelidikan tindakan, penyeliaan, pengajaran

**SUDUT PANDANG BAKAL GURU INKLUSIF
TENTANG CIRI-CIRI KANAK-KANAK AUTISME
SEBELUM DAN SELEPAS AKTIVITI
SUKARELAWAN
DI SEBUAH PUSAT AUTISME**

**Hanani Binti Harun Rasit, PhD
Jabatan Ilmu Pendidikan, IPGKPT**

**Amni Mu'adzah As-Syifa' Binti Ahmad Faizal
Nurzahirah Binti Adnan
Muhamad Faizzuddin Bin Zaidin
Mohd Amirul Bin Mohd Azmi
IPISMP Sains 2, IPGKPT**

Abstrak(10)

Kepentingan latihan guru yang melengkapkan bakal guru dengan sikap, pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar dan menyediakan bahan pengajaran kepada murid berkeperluan khusus (MBK) menerusi pendidikan inklusif banyak dilaporkan. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk menjamin akses dan ekuiti pendidikan kepada semua murid termasuk MBK, IPGKPT komited dalam melatih bakal guru yang terampil dalam pedagogi inklusif. Kursus Pendidikan Inklusif yang diperkenalkan adalah manifestasi komitmen tersebut. Aktiviti pengayaan untuk memberikan pengalaman secara *hands-on* dengan MBK juga diperkenalkan. Satu aktiviti sukarelawan telah dijalankan di sebuah pusat kanak-kanak autisme untuk memberi pendedahan kepada bakal guru inklusif tentang kanak-kanak autisme. Kajian kualitatif ini dijalankan untuk melihat perspektif pelajar IPGKPT tentang ciri-ciri kanak-kanak autisme sebelum dan selepas mereka menjalani aktiviti sukarelawan. Metodologi analisis dokumen digunakan dalam kajian ini yang melibatkan 48 skrip refleksi pelajar iaitu 24 skrip sebelum dan 24 skrip selepas aktiviti sukarelawan dilaksanakan. Data dianalisis menggunakan teknik analisis perbandingan berterusan (*constant comparative analysis*). Analisis data menemukan 5 tema utama ciri-ciri yang diandaikan ada pada kanak-kanak autisme sebelum aktiviti sukarelawan. Pelajar pada awalnya *tidak tahu tentang autisme*; menyangka bahawa *kanak-kanak autisme seperti OKU lain*; mengandaikan bahawa kanak-kanak autisme *agresif, hiperaktif dan mencederakan diri sendiri dan orang lain*; mempunyai *tingkah laku berulang dan tidak mahu disentuh*. Selepas aktiviti sukarelawan, 5 tema utama ciri-ciri kanak-kanak autisme telah dikenalpasti iaitu *keadaan fizikal sama seperti kanak-kanak tipikal; komunikasi dan sosial; tingkah laku dan keadaan co-morbidity*. Pelajar positif dengan aktiviti sukarelawan ini yang memberi pengetahuan dan pengalaman untuk memahami dan mengendalikan kanak-kanak autisme.

Kata Kunci: Pendidikan inklusif, pedagogi inklusif, murid berkeperluan khas, autisme

**SUDUT PANDANG BAKAL GURU INKLUSIF
TENTANG PENGURUSAN TINGKAH LAKU
KANAK-KANAK AUTISME SEBELUM DAN
SELEPAS AKTIVITI
SUKARELAWAN DI SEBUAH PUSAT AUTISME**

**Hanani Binti Harun Rasit, PhD
Jabatan Ilmu Pendidikan, IPGKPT**

**Nur Atikah Binti Mohamad Rosli
Hafizul Iman Bin Bharuraji
Nur Atasya Binti Ahmad Norjan
Muhammad Fikri Bin Abu Osman
IPISMP RBT 4, IPGKPT**

Abstrak(11)

Kepentingan latihan guru yang melengkapkan bakal guru dengan sikap, pengetahuan dan kemahiran untuk mengajar dan menyediakan bahan pengajaran kepada murid berkeperluan khusus (MBK) menerusi pendidikan inklusif banyak dilaporkan. Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk menjamin akses dan ekuiti pendidikan kepada semua murid termasuk MBK, IPGKPT komited dalam melatih bakal guru yang terampil dalam pedagogi inklusif. Kursus Pendidikan Inklusif yang diperkenalkan adalah manifestasi komitmen tersebut. Aktiviti pengayaan untuk memberikan pengalaman secara *hands-on* dengan MBK juga diperkenalkan. Satu aktiviti sukarelawan telah dijalankan di sebuah pusat kanak-kanak autisme untuk memberi pendedahan kepada bakal guru inklusif tentang kanak-kanak autisme. Kajian kualitatif ini dijalankan untuk melihat perspektif pelajar IPGKPT tentang pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme sebelum dan selepas mereka menjalani aktiviti sukarelawan. Metodologi analisis dokumen digunakan dalam kajian ini yang melibatkan 48 skrip refleksi pelajar iaitu 24 skrip sebelum dan 24 skrip selepas aktiviti sukarelawan dilaksanakan. Data dianalisis menggunakan teknik analisis perbandingan berterusan (*constant comparative analysis*). Analisis data mendapati empat (4) tema pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme sebelum aktiviti sukarelawan. Pelajar pada awalnya *kurang yakin; tidak tahu dan berasa sukar mengurus tingkah laku kanak-kanak autisme serta berpendapat kanak-kanak autisme ini perlu sentiasa dipantau*. Selepas aktiviti sukarelawan, 11 tema utama tentang strategi pengurusan tingkah laku kanak-kanak autisme telah diperoleh. Strategi tersebut ialah *beri arahan yang sesuai; guna jadual visual; guna social story; elakkan bertanya soalan; pelbagaikan aktiviti; beri penegasan positif; sediakan persekitaran yang sesuai; tetapkan jangkamasa; biarkan seketika; beri perhatian sepenuhnya dan pujuk*. Pelajar positif dengan aktiviti sukarelawan ini yang memberi mereka pengalaman dalam mengendalikan kanak-kanak autisme.

Kata Kunci: Pendidikan inklusif, pedagogi inklusif, murid berkeperluan khas, autisme, pengurusan tingkah laku

**PERSEPSI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH TERHADAP PENDEKATAN
KAUNSELING ISLAM
DALAM SESI KAUNSELING INDIVIDU**

**Hanani Harun Rasit, PhD^a
Che Harithun Abdullah @ Harun^b**

**Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan,
Malaysia**

^ahanani.harunrasit@pendidikguru.edu.my

^bche.harithun@pendidikguru.edu.my

Abstrak(12)

Fenomena remaja yang terjebak dalam isu dan permasalahan sosial amat membimbangkan. Statistik yang menunjukkan peningkatan bilangan remaja hamil luar nikah mendorong penglibatan pelbagai pihak khususnya para kaunselor untuk menangani gejala ini. Banyak usaha untuk menangani keadaan ini telah dilakukan melalui pelbagai pendekatan kaunseling terutamanya pendekatan kaunseling konvensional. Model Kaunseling Islam yang diperkenalkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini menawarkan alternatif kepada pendekatan kaunseling bagi menyelesaikan permasalahan sosial remaja. Kajian kualitatif ini bertujuan untuk melihat persepsi klien terhadap pendekatan Kaunseling Islam dalam kaunseling individu dan kesan sesi Kaunseling Islam. Kajian kes ini melibatkan dua orang peserta kajian yang terdiri daripada remaja hamil luar nikah di salah sebuah pusat perlindungan remaja di Malaysia. Data kajian terdiri daripada transkrip rakaman audio sesi kaunseling, jurnal refleksi klien, dan transkrip temu bual kakitangan pusat. Data dianalisis menggunakan teknik analisis perbandingan berterusan (*constant comparative analysis*). Analisis data menemukan dua tema tentang persepsi klien terhadap pendekatan Kaunseling Islam, iaitu “pandangan positif terhadap sesi” dan “pendekatan Kaunseling Islam menimbulkan keinsafan”. Terdapat sembilan tema tentang kesan sesi Kaunseling Islam, iaitu “gembira dan berani dapat meluahkan perasaan”, “bersemangat”, “keazaman untuk berubah”, “kuat berbanding dulu”, “jaga pergaulan” dan “perasaan positif seperti lega, syukur, yakin dan redha”. Persepsi positif klien terhadap sesi bersama kaunselor mendorong pengkaji untuk menyarankan agar lebih banyak sesi kaunseling berasaskan pendekatan Kaunseling Islam dijalankan dan dikaji bagi memantapkan model Kaunseling Islam sedia ada.

Kata kunci: Kaunseling Islam, kaunseling individu, remaja hamil luar nikah